

integriti



Tatalaku Pembekal
Monsanto

Malay

MONSANTO





KANDUNGAN

| | | | |
|---|---|---|----|
| PENGANTAR..... | 1 | KOMITMEN KEPADA PENYELIDIKAN SAINS, PRODUK BERKUALITI, PEMATUHAN PERATURAN, DAN AMALAN PASARAN ADIL.. | 10 |
| Matlamat Pembangunan Lestari | 1 | Penyelidikan Sains | 10 |
| Komitmen | 2 | Produk Berkualiti | 10 |
| ASAS TATALAKU PEMBEKAL MONSANTO..... | 3 | Pematuhan Peraturan | 10 |
| Integriti..... | 3 | Amalan Pemasaran Adil..... | 11 |
| Dialog..... | 3 | Pengiklanan..... | 11 |
| Ketelusan..... | 3 | KOMITMEN MONSANTO KEPADA DUNIA ... | 11 |
| Berkongsi | 3 | Perlindungan dan Keselamatan Alam Sekitar..... | 11 |
| Manfaat | 3 | Keragaman Pembekal | 12 |
| Hormat | 3 | Larangan Terhadap Sogokan dan Amalan Rasuah | 12 |
| Berkelakuan sebagai Pemilik bagi Mencapai Hasil..... | 4 | Urus Niaga Mata Wang yang Beretika..... | 12 |
| Mewujudkan Tempat Kerja yang Hebat .. | 4 | Persaingan | 12 |
| TATALAKU SYARIKAT MONSANTO..... | 4 | MEMATUHI TATALAKU PEMBEKAL..... | 13 |
| SALING PERCAYA PEMBEKAL-MONSANTO ... | 4 | Maklumat Hubungan | 13 |
| KOMITMEN BERSAMA MONSANTO- PEMBEKAL KEPADA WARGA | 5 | Pelaporan..... | 13 |
| Persekitaran Kerja yang Selamat, Sihat dan Aman..... | 5 | | |
| Menghormati Hak Asasi Manusia..... | 5 | | |
| Privasi Maklumat Peribadi..... | 6 | | |
| KOMITMEN KEPADA MONSANTO | 7 | | |
| Pematuhan Undang-Undang..... | 7 | | |
| Perdagangan Antarabangsa | 7 | | |
| Hadiah dan Hiburan untuk Urusan Perniagaan..... | 7 | | |
| Aset Syarikat..... | 8 | | |
| Keselamatan Maklumat | 8 | | |
| Maklumat Rahsia dan Empunya..... | 8 | | |
| Harta Intelek | 9 | | |
| Menjaga Rekod Kewangan yang Jujur | 9 | | |
| Komunikasi Luaran..... | 9 | | |



PENGANTAR

Monsanto merupakan syarikat pertanian lestari yang bertekad untuk menegakkan amalan perniagaan yang bertanggungjawab kepada masyarakat. Kami didorong untuk melakukan bukan sekadar yang dikehendaki undang-undang dan peraturan berkenaan, tetapi juga yang dikehendaki daripada seorang pemimpin. Kami menghendaki para pembekal supaya menerapkan amalan pengurusan yang menghormati hak buruh dan pekerjaan semua pekerja, menunjukkan proses dan menghasilkan produk yang mengurangkan kesan pada alam sekitar, serta menyediakan tempat kerja yang selamat dan sihat untuk mereka semua.

Matlamat Pembangunan Lestari

Matlamat Pembangunan Lestari (SDG) Bangsa-Bangsa Bersatu, yang diterapkan September 2015 setelah lama dibahaskan oleh berbilang pihak, merangkumi 17 matlamat untuk menangani pelbagai cabaran dunia yang paling genting dari segi ekonomi, sosial dan alam sekitar.

Sektor swasta berperanan penting dalam mencapai SDG, dan usaha kami di Monsanto sedikit sebanyak memberi sumbangan kepada setiap satu daripada 17 matlamat tersebut.

| | | | | | | |
|--|---------------------------------------|---|--|--|--|---------------------------|
| 1 MENGHAPUSKAN KEMISKINAN | 2 MENGHAPUSKAN KELAPARAN | 3 KESIHATAN DAN KESEJAHTERAAN YANG SEMPERNA | 4 PENDIDIKAN BERKUALITI | | | |
| 8 PEKERJAAN DAN PERTUMBUHAN EKONOMI YANG MUNASABAH | 9 INDUSTRI, INOVASI DAN INFRASTRUKTUR | 10 MENGURANGKAN KETIDAKSETARAAN | 11 BANDAR RAYA DAN KOMUNITI YANG LESTARI | 12 PENGGUNAAN DAN PENGELUARAN BERTANGGUNGJAWAB | 13 TINDAKAN IKLIM | 14 KEHIDUPAN DI BAWAH AIR |
| | | | | | | |
| 5 KESETARAAN JANTINA | 6 AIR BERSIH DAN SANITASI | 7 TENAGA BERITH YANG TERJANGKAU HARGANYA | 15 KEHIDUPAN DI DARATAN | 16 KEAMANAN, KADETLAN DAN INSTITUSI YANG TEHUI | 17 KERJASAMA KE ARAH MENCAPAI MATLAMAT INI | |
| | | | | | | |

MATLAMAT SEDUNIA Untuk Pembangunan Lestari



Monsanto telah mengenal pasti enam matlamat (SDG 1, 2, 6, 8, 13 dan 15) yang khususnya relevan kepada perniagaan kita, serta tiga lagi (SDG 9, 12 dan 17) yang banyak kepentingannya kepada cara kita bekerja. Sambil kita terus meneguhkan tekad untuk membangunkan pertanian yang moden dan lestari, kita akan memandang SDG tersebut khususnya sebagai pedoman bagi strategi dan tindakan kita.

KESEJAJARAN PALING KUAT DENGAN ENAM SDG YANG PALING RELEVAN KEPADA PERNIAGAAN MONSANTO MENUNJUKKAN BIDANG YANG KITA MEMPUNYAI IMPAK PALING BESAR.



Menambah baik kehidupan peladang, pekerja, pengguna dan masyarakat, sambil membantu menjadikan sajian makanan seimbang lebih mudah didapati oleh semua orang.



Menggunakan sumber-sumber dengan lebih cekap baik di ladang dan juga di sini di Monsanto.

TIGA SDG YANG MEWAKILI CARA KITA BEKERJA BAGI MEMPENGARUHI ENAM MATLAMAT YANG PALING RELEVAN KEPADA PERNIAGAAN KITA.



Seperti yang diungkapkan dalam Matriks Industri SDG Kesepakatan Sedunia PBB, impak SDG pada pembekalan yang bertanggungjawab termasuk:

- Melabur pada rantai bekalan yang beretika, inklusif, cekap sumber, dan berdaya tahan;
- Memperkemaskan piawai, kemahiran, peluang dan kesejahteraan buruh yang dapat menambah baik produktiviti para kontraktor dan pembekal;

- Meningkatkan pelaburan pada tenaga boleh baharu, kecekapan air, dan projek infrastruktur lain;
- Melabur pada kemampuan pembekal beragam melalui latihan dan pembangunan kemampuan; dan
- Menambah baik kesihatan masyarakat dan meningkatkan pelaburan pendidikan.

Untuk mengetahui lebih lanjut tentang Matlamat Pembangunan Lestari Bangsa-Bangsa Bersatu, sila layari:
www.un.org/sustainabledevelopment.

Komitmen

Sambil berusaha untuk memimpin dengan bertanggungjawab, kami bertekad untuk menegakkan integriti apabila memilih dan berurus niaga dengan para pembekal kami (termasuk semua pembekal pihak ketiga, kolaborator dan rakan kongsi). Kami lebih suka berurus niaga dengan pembekal yang turut berpegang pada nilai-nilai kami dan menunjukkan komitmen yang sama melalui tindakannya.

Di Monsanto, amanah dan integriti menjadi tunjang dalam usaha kita untuk melakukan hal yang betul setiap masa. Tatalaku Pembekal dimaksudkan untuk menyatakan harapan kami kepada para pembekal yang menyediakan produk atau perkhidmatan bagi kami, subsidiari kami dan sekutu kami di serata dunia. Sebagai syarat untuk berurus niaga dengan Monsanto Company, semua pembekal dikehendaki memahami Tatalaku Pembekal, serta bersetuju dengannya dan beroperasi sejajar dengannya.

Melalui kerjasama dengan para pembekal, kita dapat memupuk perubahan yang bermakna – untuk hari ini dan generasi akan datang.

Sila lihat Laporan Kelestarian Monsanto di www.monsanto.com/sustainability untuk mengetahui komitmen kami kepada kelestarian.

Bersama-sama, kita tumbuh dengan sempurna.



ASAS TATALAKU PEMBEKAL MONSANTO

Tatalaku Pembekal diasaskan pada Ikrar Monsanto.

Ikrar Monsanto merupakan komitmen kepada cara kita berurus niaga. Ikrar ini mengisyiharkan apa yang mendorong kami supaya lebih banyak mendengar, mempertimbangkan tindakan kami dan kesannya secara meluas, dan memimpin dengan bertanggungjawab. Ikrar ini membantu kami menerapkan nilai-nilai kita dalam tindakan, dan menjelaskan siapa kami dan apa yang kami perjuangkan.

Integriti

Integriti merupakan asas bagi segala yang kita lakukan di Monsanto. Asas ini merangkumi kejujuran, maruah, keseragaman dan ketabahan. Dengan berlunaskan nilai-nilai tersebut, kami bertekad untuk menegakkan:

Dialog

Kami akan mendengar berbagai sudut pandangan dengan teliti dan turut serta dalam dialog yang bernes. Kami akan meluaskan pemahaman kami tentang pelbagai isu demi menangani keperluan dan persoalan masyarakat dan satu sama lain dengan lebih sempurna.

Ketelusan

Kami akan memastikan maklumat tersedia, mudah didapati dan mudah difahami.

Berkongsi

Kami akan berkongsi pengetahuan dan teknologi demi menjayakan pemahaman sains, menambah baik pertanian dan alam sekitar, meningkatkan hasil tanaman, dan membantu peladang di negara membangun.

Manfaat

Kami akan menggunakan sains yang bernes dan berdaya pembaharuan, serta pengelolaan yang berhemah dan berkesan, demi menghasilkan produk berkualiti tinggi yang bermanfaat untuk pelanggan kami dan alam sekitar.

Hormat

Kami akan menghormati persoalan agama, budaya dan etika semua orang di serata dunia. Keselamatan pekerja kami, komuniti tempat kami berurusan, pelanggan kami, pengguna dan alam sekitar akan menjadi keutamaan kami yang tertinggi.



Berkelakuan sebagai Pemilik bagi Mencapai Hasil

Kami akan mewujudkan kejelasan hala tuju, peranan dan pertanggungjawapan. Kami akan membina pertalian kukuh dengan pelanggan dan rakan luar, membuat keputusan yang bijak, mengelola sumber-sumber syarikat, dan memikul tanggungjawab bagi mencapai hasil yang disepakati bersama.

Mewujudkan Tempat Kerja yang Hebat

Kami akan memastikan keragaman warga kerja dan pemikiran, memupuk inovasi, daya kreatif dan pembelajaran, mengamalkan kerjasama kumpulan yang inklusif, serta memberi ganjaran dan mengiktiraf kebolehan warga kerja kami.

TATALAKU SYARIKAT MONSANTO

Perilaku yang kami harapkan daripada pembekal tidak berbeza dengan perilaku yang kami harapkan daripada diri kami sendiri. Monsanto mempunyai Tatalaku Perniagaan yang menentukan lebih lanjut siapa kami dan harapan kami tentang cara kami beroperasi dan berurus niaga. Pembekal (termasuk semua pembekal pihak ketiga, kolaborator dan rakan kongsi) serta pekerja digalakkan supaya membuka pautan ini bagi menelaah sendiri Tatalaku Perniagaan Monsanto. <http://www.monsanto.com/whoweare/pages/business-conduct.aspx>.

SALING PERCAYA PEMBEKAL-MONSANTO

Pembekal kami memainkan peranan penting dalam kejayaan Monsanto sebagai sebuah syarikat. Kami ingin memelihara hubungan saling percaya dan hormat dengan pembekal kami. Kami menghargai kejujuran dalam urusan kami dengan pembekal baik yang ada sekarang maupun yang terdahulu. Semua kontrak mestilah dirundingkan secara adil dan tidak mengandungi penipuan atau ketidaksetaraan. Selain itu, apabila memilih pembekal bagi menyediakan produk dan perkhidmatan bagi Monsanto, kami akan berlaku adil. Kami akan membuat pemilihan berdasarkan penilaian yang wajar atas semua fakta berkenaan, termasuk misalnya kualiti pembekal, rekod keselamatan, kemampuan teknikal, pengalaman sejarah, kebolehpercayaan, kos, keberadaan mengikut jadual, komitmen kepada dasar inklusif dan keragaman, dan perilaku sejajar dengan Tatalaku Pembekal.





KOMITMEN BERSAMA MONSANTO-PEMBEKAL KEPADA WARGA

Persekitaran Kerja yang Selamat, Sihat dan Aman

Di Monsanto, keselamatan dan keamanan adalah tanggungjawab setiap orang. Kami bertekad untuk memupuk persekitaran kerja yang selamat dan sihat bagi semua pekerja, pelawat dan pelanggan, serta masyarakat tempat kami bekerja.

Begini juga, kami menghendaki pembekal supaya mematuhi undang-undang dan peraturan yang berkuat kuasa di lokasi dan tempat kerja mereka. Kami menghargai pembekal yang berusaha terus menerus supaya tempat kerja bebas daripada kecederaan dan penyakit berkaitan kerja.

Pembekal akan disediakan penerangan tentang pelbagai dasar dan prosedur Monsanto yang meliputi keselamatan. Kami mahu pembekal supaya mematuhi dasar dan prosedur langsung yang meliputi keselamatan, dan bekerjasama dengan kami tentang isu-isu keselamatan yang timbul berkaitan dengan produk dan perkhidmatan mereka.

Menghormati Hak Asasi Manusia

Sejajar dengan komitmen kami untuk melindungi, menghormati dan menjayakan hak asasi manusia, Monsanto menerapkan Dasar Hak Asasi Manusia pada 2006. Kami menghendaki semua pembekal supaya mematuhi undang-undang pekerjaan dan buruh yang berkaitan. Selain itu, Dasar kami memperincikan kehendak kami dalam bidang-bidang berikut:

- Buruh Kanak-Kanak
- Buruh Paksa
- Diskriminasi
- Ganjaran
- Jam Kerja
- Gangguan dan Keganasan
- Kebebasan Berpersatuan
- Keselamatan



Kepatuhan termasuk berusaha melarang diskriminasi terhadap sesiapa pun dalam terma, syarat atau hak istimewa pekerjaan, atas dasar bangsa, warna, agama, jantina, umur, asal usul kebangsaan, kehilangan upaya, taraf bekas tentera, identiti jantina, ungkapan jantina, orientasi seksual (yang sebenarnya atau disangka, seperti yang ternyata dalam pengenalan diri, perbuatan, pernyataan, atau perkaitan), atau apa jua ciri lain yang dilindungi undang-undang.

Monsanto menghendaki pembekal supaya menghindari pemerdagangan manusia dan perhambaan moden, serta mematuhi apa juga peraturan dan kewajipan penyokong mengenainya. Contohnya termasuk Akta Ketelusan Rantai Bekalan California dan Akta Perhambaan Moden UK, namun bukan itu sahaja.

Jika wajar, Monsanto menghendaki pembekal supaya bersetuju membenarkan wakil Monsanto atau pihak ketiga yang bertindak bagi pihak Monsanto untuk menjalankan audit yang munasabah pada buku-buku, rekod dan kemudahan pembekal yang digunakan pekerja bagi menentukan kepatuhan pembekal dengan undang-undang pekerjaan dan buruh yang berkenaan.

Selain itu, Monsanto menghendaki pembekal bahan yang mengandungi tantalum, timah, tungsten atau emas supaya mengetahui di mana lombong galian tersebut dan memberikan Monsanto maklumat kandungan dan sumber tersebut jika diminta.

Untuk penerangan tambahan, sila layari <http://www.monsanto.com/whoweare/pages/human-rights.aspx>.

Privasi Maklumat Peribadi

Maklumat peribadi mungkin termasuk sejarah pekerjaan, nombor kad pengenalan, maklumat hubungan, taraf perkahwinan, dan rekod jenayah, namun bukan itu sahaja.

Kami menghendaki pembekal supaya melindungi maklumat peribadi yang Monsanto berikan kepada pembekal atau diperoleh oleh pembekal berkaitan dengan

pekerja, pelanggan dan pihak ketiga Monsanto, sejajar dengan undang-undang privasi data yang berkenaan. Jika pembekal mengetahui pendedahan maklumat pekerja atau pelanggan Monsanto tanpa izin, sama ada sebenarnya atau mungkin terjadi, kami menghendaki pembekal supaya melaporkannya serta merta kepada Pejabat Tatalaku Perniagaan Monsanto di laman Web: www.contactBCOglobal.com; E-mel: business.conduct@monsanto.com; Surat: 800 N. Lindbergh Blvd, Mail Code E1NH, St. Louis MO 63167, atau www.monsanto.com/contactbco





KOMITMEN KEPADA MONSANTO

Pematuhan Undang-Undang

Kami menghendaki pembekal supaya berusaha bersungguh-sungguh untuk menjalankan urus niaga berkaitan Monsanto dengan mematuhi sepenuhnya semua undang-undang, aturan dan peraturan yang berkenaan.

Perdagangan Antarabangsa

Jika urus niaga pembekal dengan Monsanto mencakup perdagangan antarabangsa, Monsanto menghendaki pembekal supaya memahami dan mematuhi undang-undang dan peraturan kawalan perdagangan antarabangsa yang berkenaan, termasuk yang berkaitan dengan sekatan ekonomi, kehendak kastam dan kawalan eksport. Apabila diminta, pembekal akan membekalkan Monsanto apa jua spesifikasi produk yang dikehendaki serta dokumentasi yang berkenaan demi menjamin pematuhan terhadap peraturan eksport dan import yang berkenaan. Selain itu, sehubungan dengan urus niaga Monsanto, pembekal hendaklah jangan menyertai tindakan pemulauan ekonomi yang tidak diizinkan Kerajaan Amerika Syarikat dan jangan memberikan maklumat yang boleh dianggap menyokong tindakan pemulauan tak diizinkan tersebut. Jika berkenaan,

pembekal patut melaksanakan amalan dan prosedur demi menjamin keselamatan rantai bekalan mereka sejajar dengan piawai Operator Ekonomi Dibenarkan (AEO), inisiatif Kesepakatan Kastam-Perdagangan Menentang Pengganas (C-TPAT) yang diusahakan Jabatan Keselamatan Tanah Air Amerika Syarikat, serta program keselamatan rantai bekalan global yang berkaitan di negara tempat pembekal berurus dengan Monsanto.

Hadiah dan Hiburan untuk Urusan Perniagaan

Kami faham dan menyedari bahawa hadiah, jamuan dan hiburan dapat digunakan secara positif bagi menjalin hubungan. Namun, hal-hal ini juga boleh menimbulkan pelbagai isu yang berkaitan dengan integriti, baik yang sebenarnya mahupun disangka. Oleh itu, pembekal yang cuba menjelaskan komitmen Monsanto terhadap integriti, dengan menawarkan hadiah, jamuan, hiburan, peluang perniagaan, hak istimewa, pekerjaan di luar (termasuk pekerjaan untuk ahli keluarga) atau perkara atau barang lain yang berharga secara tidak wajar kepada pekerja Monsanto mungkin akan menjelaskan tarafnya sebagai pembekal Monsanto.



Demi mengelakkan bayangan cuba mendapatkan layanan baik, pembekal hendaklah memberikan hadiah, jamuan, hiburan atau barang berharga yang lain kepada pekerja Monsanto hanya jika barang itu:

- Tidak mahal
- Diizinkan undang-undang
- Jarang-jarang
- Sesuai dengan urusan perniagaan
- Bukan wang tunai atau setara wang tunai

Pekerja Monsanto dilarang merayu pembekal bagi mendapatkan hadiah, jamuan, hiburan atau barang berharga peribadi yang lain.

Hadiah tidak boleh melebihi nilai \$100 USD, meskipun hadiah atau bentuk hiburan itu memenuhi syarat di atas. Dasar Monsanto tidak membenarkan pembekal menawarkan apa jua hadiah atau bentuk hiburan kepada pekerja Monsanto semasa proses Permintaan untuk Mengajukan Usulan (RFP) atau Permintaan untuk Mengajukan Sebut Harga (RFQ), atau semasa berlangsung peringkat perundingan kontrak yang lain. Dasar Monsanto melarang pekerja menerima barang seperti itu semasa tempoh perundingan yang genting. Sebarang usaha pihak pembekal untuk menawarkan hadiah atau hiburan seperti itu semasa tempoh yang genting ini boleh menyebabkan tindakan disiplin bagi pekerja Monsanto dan pembatalan kelayakan pembekal.



Jika ada pertanyaan atau persoalan tentang kewajaran menawarkan sesuatu hadiah, jamuan, bentuk hiburan, atau apa jua barang berharga yang lain, pembekal patut menghubungi Pejabat Perilaku Perniagaan Monsanto terlebih dahulu sebelum menawarkannya.

Aset Syarikat

Dalam melakukan tugas untuk Monsanto, pembekal mungkin diberikan akses kepada berbagai aset Monsanto. Aset ini mungkin termasuk harta benda Syarikat kita seperti peralatan, kenderaan, komputer, wang dan kemudahan. Kami menghendaki pembekal supaya melindungi aset tersebut daripada kehilangan, kecurian, kerosakan, pembaziran atau salah guna. Kami juga menghendaki pembekal supaya menggunakan sumber Monsanto untuk urusan perniagaan yang wajar sahaja.

Keselamatan Maklumat

Maklumat Rahsia dan Empunya

Sumber Monsanto bukan berupa harta benda sahaja. Antara aset Monsanto yang paling bernilai adalah maklumat rahsia dan empunya yang kami miliki. Maklumat rahsia lazimnya merangkumi maklumat yang tidak diterbitkan oleh kakitangan yang diberi kuasa oleh Monsanto kepada orang ramai. Kemampuan pembekal untuk melindungi maklumat rahsia perniagaan Monsanto adalah sangat penting bagi kejayaan Monsanto di masa hadapan dan hubungan Monsanto dengan pembekalnya. Keselamatan maklumat sangat penting kepada Monsanto bagi menjaga keyakinan dan kepercayaan pelanggan, pembekal dan pihak lain yang berurusan dengan kami.

Kami menghendaki pembekal supaya mematuhi semua kewajipan kontrak tentang kerahsiaan dan selain itu melindungi maklumat rahsia dan empunya Monsanto daripada digunakan tanpa izin. Pembekal hendaklah jangan mendedahkan maklumat demikian kepada sesiapa di luar Monsanto, bahkan kepada sesiapa di dalam Monsanto yang tiada urusan jelas untuk mengetahuinya. Pembekal patut mengambil langkah yang



wajar, termasuk melatih pekerja mereka, demi memastikan maklumat demikian sekali-kali tidak diakses, hilang, dicuri, disalah gunakan, disalah letakkan atau terbiar secara tidak wajar. Monsanto tidak akan bertolak ansur jika pembekal menggunakan maklumat rahsia dan empunya Monsanto untuk berdagang saham Monsanto Company, dan pembekal dilarang berkongsi maklumat orang dalam tentang syarikat mereka sendiri dengan pekerja Monsanto.

Kami menghendaki supaya sistem maklumat pembekal yang mengandungi maklumat atau data rahsia Monsanto diuruskan dan dilindungi sewajarnya daripada akses, penggunaan, pendedahan, pengubahsuaian, pemusnahan atau penafian khidmat tanpa izin.

Pembekal hendaklah jangan sekali-kali mengakses apa jua maklumat tanpa kebenaran yang wajar, dan jangan memindahkan atau dengan cara lain menguruskan maklumat yang dapat mengenal pasti diri sesiapa pun dengan cara yang menjelas keselamatan maklumat itu daripada penggunaan atau pendedahan tanpa kebenaran.

Harta Intelek

Sesetengah maklumat yang dapat diakses pembekal mungkin merangkumi maklumat rahsia perniagaan (CBI) dan/atau harta intelek (IP) Monsanto, yang dianggap harta Monsanto yang berharga. Kami menghendaki pembekal supaya melindungi IP Monsanto, contohnya termasuk:

- Rahsia dagangan
- Hak cipta
- Tanda dagangan
- Paten
- Hak reka bentuk
- Logo
- Jenama

Menjaga Rekod Kewangan yang Jujur

Rekod kewangan Monsanto adalah jendela bagi orang ramai meninjau keseluruhan kejayaan perniagaan kami. Orang ramai bergantung pada kami untuk membentangkan maklumat yang jujur, tepat, dan tepat waktu, sejajar dengan undang-undang dan peraturan yang berkenaan. Hal ini bererti semua invois, pesanan belian atau dokumen urus niaga lain yang dikeluarkan pembekal mesti ditulis dengan cukup teliti, tepat, dan terperinci bagi membentangkan urus niaga berkenaan dengan jelas.

Oleh itu, kami menghendaki agar pembekal mengemukakan kepada Monsanto maklumat yang jujur, benar dan lengkap, kerana kami bergantung pada maklumat yang kami terima apabila menyiapkan buku-buku dan rekod akaun. Kami menghendaki pembekal supaya mematuhi semua kehendak perakaunan dan kawalan dalaman yang berkenaan apabila mengemukakan maklumat kepada Monsanto.

Jika pembekal mengetahui adanya rekod yang tidak tepat atau tidak lengkap melibatkan perkhidmatan atau produk yang dibekalkan kepada Monsanto, termasuk namun bukan sekadar akaun belum terima, pesanan belian, dan pindahan wang, kami menghendaki pembekal supaya serta merta melaporkan hal itu kepada Monsanto.

Komunikasi Luaran

Pembekal tidak boleh bercakap bagi pihak Monsanto kecuali khusus diberi kuasa dan diarahkan untuk berbuat begitu, dan dalam hal demikian pun hanya sejauh yang dibenarkan.





KOMITMEN KEPADA PENYELIDIKAN SAINS, PRODUK BERKUALITI, PEMATUHAN PERATURAN, DAN AMALAN PASARAN ADIL

Penyelidikan Sains

Di Monsanto, kami tahu dan faham perihal pentingnya menjalankan penyelidikan sains yang beretika. Sebahagian besar kejayaan kami bergantung pada usaha membina kepercayaan dengan pelbagai kumpulan dan orang, dan sebahagian besar kepercayaan itu bergantung pada ketepatan dan kebolehpercayaan data saintifik yang kami bekalkan.

Kami menghendaki pembekal yang menyumbangkan atau melakukan kaji selidik bagi pihak kami supaya bertekad melakukan kaji selidik yang tepat, boleh dipercayai, dan beretika.

Produk Berkualiti

Monsanto bertekad untuk menegakkan integriti produknya dan secara konsisten menghasilkan produk berkualiti tinggi. Komitmen kepada kualiti adalah elemen umum di seluruh syarikat kami dan menghubungkan kami dengan pelanggan.

Oleh itu, kami menghendaki pembekal supaya menyediakan untuk Monsanto produk dan perkhidmatan berkualiti tinggi yang memenuhi atau melampaui

kehendak undang-undang dan peraturan yang berkenaan serta kehendak dan piawai kontrak.

Pematuhan Peraturan

Monsanto menjalankan perniagaan sedunia dalam persekitaran yang sangat dikawal selia. Banyak produk bioteknologi dan perlindungan tanaman kami mesti diluluskan oleh agensi kawal selia sebelum dikomersialkan. Oleh itu, kami menghendaki pembekal supaya mematuhi semua undang-undang dan peraturan antarabangsa, negara, dan tempatan yang relevan bagi perkhidmatan dan produk yang dibekalkan kepada Monsanto.

Pembekal dikehendaki menyokong usaha Monsanto untuk memastikan teknologi kita diuruskan secara bertanggungjawab menurut panduan pengelolaan dan sejarah dengan undang-undang dan peraturan yang berkenaan. Kami menghendaki pembekal supaya bekerjasama dengan Monsanto agar segala yang kita lakukan bersama mengukuhkan usaha Monsanto untuk mengekalkan pendekatan kita terhadap pengelolaan produk yang berkesan.



Amalan Pemasaran Adil

Apabila memasarkan atau menjual produk, pentinglah kita menggunakan taktik yang adil dan beretika sahaja.

Oleh itu, kami menghendaki pembekal yang menyiapkan bahan penjualan, pengiklanan, promosi dan pemasaran untuk Monsanto agar berusaha memenuhi tugas tersebut melalui pernyataan yang benar dan tepat.

Pengiklanan

Pembekal hendaklah jangan membuat pernyataan palsu atau mengelirukan tentang kualiti atau ketersediaan produk Monsanto. Selain itu, pembekal pengiklanan hendaklah jangan membuat perbandingan yang tidak adil atau tidak benar antara produk Monsanto dengan produk pesaing kita.

KOMITMEN MONSANTO KEPADA DUNIA

Perlindungan dan Keselamatan Alam Sekitar

Di Monsanto, kami tahu sebahagian besar kejayaan kami berpunca daripada pelbagai komuniti tempat kami beroperasi. Untuk membantu melindungi dan menyokong pelbagai komuniti tersebut, alam sekeliling mereka dan dunia kita seluruhnya, kami menghendaki pembekal supaya mematuhi undang-undang dan peraturan alam sekitar di mana sahaja mereka beroperasi. Monsanto menghargai pembekal yang bertekad untuk memulihara sumber alam, mengitar semula, mengurangkan penggunaan air dan bahan buangan, mengawal pencemaran, serta udara dan air yang bersih.



Keragaman Pembekal

Monsanto menghargai persekitaran yang padat dengan ciri-ciri inklusif dan keragaman, dan mahu semua pembekal dalam rantai bekalan kita di seluruh dunia turut mengamalkannya. Dalam usaha menjadi pembekal produk dan penyelesaian pertanian terkemuka di serata dunia, kami menyedari pentingnya mempunyai asas pembekal yang beragam, yang menyediakan Monsanto pelbagai produk dan perkhidmatan untuk rantai bekalan sedunia.

Hasil usaha Monsanto untuk memastikan keragaman pembekal, kita kini melihat penyertaan pelbagai perniagaan yang majoriti dimiliki beragam orang (daripada golongan yang kurang diwakili menurut penentuan negara), termasuk kaum minoriti, wanita, orang kurang upaya, bekas tentera, bekas tentera kurang upaya, serta lesbian, gay, biseksual dan transgender (LGBT). Penyertaan dari kalangan pembekal yang beragam pemiliknya dalam rantai bekalan Monsanto membawa impak ekonomi dan manfaat untuk masyarakat tempat kita hidup dan bekerja. Kami amat menggalakkan pembekal kami supaya meluaskan usaha keragaman pembekal mereka sendiri dengan mendekati perniagaan yang diperakui beragam pemiliknya untuk membekalkan produk dan perkhidmatan kepada Monsanto, mengikut pengiktirafan di negara masing-masing dan oleh badan perakuan keragaman pembekal. Monsanto meminta para pembekalnya supaya menyiapkan data perbelanjaan oleh perniagaan milik beragam mereka sendiri yang berkaitan dengan urus niaga secara langsung atau tidak langsung dengan Monsanto.

Larangan Terhadap Sogokan dan Amalan Rasuah

Sebagai organisasi antarabangsa, Monsanto tertakluk pada pelbagai undang-undang anti rasuah di serata dunia. Undang-undang tersebut dimaksudkan untuk membantu kami berinteraksi secara adil, beretika dan telus dengan para pegawai kerajaan.

Monsanto menghendaki pembekal supaya mematuhi semua undang-undang anti rasuah yang berkenaan, termasuk Akta Amalan Rasuah Asing ("FCPA") Amerika Syarikat. Monsanto juga menghendaki pembekal supaya jangan melakukan apa jua bentuk sogokan komersial, sama ada secara langsung atau melalui pihak ketiga.

Urus Niaga Mata Wang yang Beretika

Pencucian wang haram adalah percubaan oleh individu atau entiti untuk menyembunyikan wang haram atau menjadikan sumber wang itu kelihatan sah di sisi undang-undang. Wang itu mungkin diperoleh melalui kegiatan jenayah, pengganas, pengedaran dadah, penipuan atau mengelakkan cukai.

Oleh itu, kami menghendaki pembekal supaya jangan melakukan apa jua kegiatan pencucian wang haram dan jangan sekali-kali dengan sengaja menerima wang yang diperoleh secara haram.

Persaingan

Monsanto menghendaki pembekalnya supaya bersaing secara gigih antara satu sama lain bagi meraih urus niaga Monsanto, dan pembekal yang bersaingan dilarang memasuki pakatan atau aturan subahat tentang urus niaga mereka dengan Monsanto. Pembekal yang percaya Monsanto akan meraih faedah daripada kerjasama di kalangan pembekal yang bersaingan harus mendapatkan izin bermaklum sebelumnya daripada Monsanto terhadap aturan sedemikian.





MEMATUHI TATALAKU PEMBEKAL

Pematuhan terhadap Tatalaku Pembekal Monsanto ini merupakan unsur penting dalam keputusan Monsanto untuk memulakan atau meneruskan hubungan perniagaan dengan sesebuah syarikat pembekal.

Monsanto menghendaki pembekal supaya mempunyai sistem pemantauan dan penyimpanan rekod yang memadai bagi mematuhi Tatalaku ini.

Pembekal dikehendaki memaklumkan Monsanto tentang tindakan undang-undang, siasatan pentadbiran atau pendakwaan yang mungkin menjelas pelaksanaan urus niaga Monsanto oleh mereka atau mungkin dapat menjelas nama baik pembekal dan Monsanto.

Maklumat Hubungan

Pembekal boleh mengajukan soalan atau komen tentang Tatalaku Pembekal ini kepada Wakil Pemerolehan Monsanto mereka.

Pelaporan

Monsanto meminta pembekal supaya dengan segera melaporkan penyimpangan terhadap Tatalaku Pembekal ini kepada Wakil Monsanto mereka, untuk diselesaikan di antara pembekal dengan Monsanto. Jika pada sesuatu waktu pembekal yakin bahawa pekerja Monsanto telah bertindak melanggar Tatalaku Monsanto, kami minta anda melaporkannya secara terperinci kepada Pejabat Perilaku Perniagaan melalui Web: www.contactBCOglobal.com; E-mel: business.conduct@monsanto.com; Surat: 800 N. Lindbergh Blvd, Mail Code E1NH, St. Louis MO 63167, atau www.monsanto.com/contactbco

Pembekal diminta jangan melaporkan kepada pejabat ini kehampaan mereka apabila tidak dipilih untuk urus niaga Monsanto, kecuali mereka percaya hal itu disebabkan pekerja Monsanto telah menyimpang daripada peruntukan tertentu dalam Tatalaku Monsanto.

